

KEBAPAAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK KANAK-KANAK BANDAR DAN LUAR BANDAR

ROZUMAH BAHRUDIN

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Pertanian Malaysia

NAZLI @NAZLINA MALIKI

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Pertanian Malaysia

ABSTRACT

The present study determined the quality of fathering and its relationship with the academic achievement of children from urban and rural areas. The study was conducted in the district of Kuala Terengganu (urban) and Setiu (rural), Terengganu. The stratified randomized sampling technique was utilized in identifying the sample, which consists of 114 Malay father-child dyads (60 urban, 54 rural) from intact family. Data for the study were collected by interview using a structured questionnaire. The quality of the fathers' parenting behaviour was measured using a scale developed specially by the researcher based on relevant literatures. The children academic achievement was assessed using their second term score on three selected subjects: Mathematics, Bahasa Melayu and English. Results from the study show that: 1) Majority (79.9%) of the respondents achieved high quality parenting score; 2) There are significant correlations between levels of fathers' education ($r = 0.65, p \leq 0.001$), total income ($r = 0.34, p \leq 0.001$), occupational status ($r = 0.41, p \leq 0.001$) and quality of fathers' parenting behaviour; 3) There is no significant relationship between age of father and quality fathering; 4) There is a significant difference ($t = 6.72, p \leq 0.001$) in the quality of fathering behaviour between urban and rural fathers; 5) There is no significant difference in the quality of father's parenting towards son and daughter; 6) There is a significant correlation ($r = 0.49, p \leq 0.001$) between the quality of parenting behaviour and children academic achievement. The study concludes that children's academic achievement is influenced by the quality of their father' parenting behaviour. Programmes that enhanced the quality of parenting among fathers especially in the rural area are recommended so as to ensure children's achievement in education.

Pengenalan

Ibubapa memainkan peranan penting dalam mendidik dan membesarakan anak. Banyak kajian telah dijalankan bagi memeriksa pengaruh tingkah laku ibu bapa, caragaya keibubapaan dan kesannya terhadap perkembangan anak (contoh: Decovic, Gerris, & Janssens, 1991; Easterbrooks & Goldberg, 1984; Fagot & Kavanagh, 1993). Sepanjang beberapa dekad yang lalu, kajian mengenai keluarga dan hubungan ibubapa-anak banyak memberi fokus kepada ibu berbanding bapa. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini penglibatan bapa dalam pengasuhan anak mula diambilkira. Fenomena ini dikaitkan dengan perubahan peranan tradisional wanita dalam keluarga di mana wanita tidak lagi hanya berada di rumah dan mendidik anak, tetapi juga turut melibatkan diri dalam aktiviti pekerjaan di luar rumah (Coverman & Sheley, 1986).

Di Malaysia, penyertaan wanita dalam tenaga buruh juga telah bertambah daripada 45.8 peratus pada tahun 1990 kepada 47.1 peratus pada tahun 1995 (Rancangan Malaysia ke Tujuh, 1996). Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan ke atas peranan yang dimainkan oleh ibu dalam keluarga kerana sebahagian besar masa ibu dihabiskan dengan bekerja di luar rumah. Justeru itu, adalah dijangkakan bahawa peranan bapa dalam mendidik anak juga turut berubah (Atkinson & Blackwelder, 1993), di mana bapa akan lebih cenderung melibatkan diri dalam aktiviti mendidik anak sebagai membantu tugas-tugas isteri di rumah.

Amalan keibubapaan di kalangan bapa dan pengaruhnya terhadap anak merupakan satu topik yang menarik untuk dikaji. Ibu dan bapa telah dilaporkan mempunyai ide yang berbeza tentang cara membesarkan anak disebabkan perbezaan jantina. Perbezaan antara ibu dan bapa dilihat dalam cara bermain, bercakap dengan anak, dan masa yang dihabiskan bersama anak (Broberg, 1988). Menurut Thevenin (1993) ibu selalunya lebih mendidik, menunjukkan kerapatan dan kepekaan terhadap anak, manakala bapa lebih bersifat pendorong dan penggalak untuk anak berdikari. Kedua-dua cara ini memberi impak yang berbeza kepada anak dan boleh mempengaruhi perkembangan dan ciri anak yang terhasil apaabila dewasa kelak.

Kajian mengenai tingkah laku keibubapaan di kalangan bapa telah mendapati bahawa bapa mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perkembangan anak (Broberg, 1988; Hardesty, Wenk & Morgan, 1995; Radin, Williams dan Coggins, 1993). Menurut Easterbrooks dan Goldberg (1984), lebih tinggi kualiti dan kuantiti penglibatan bapa dalam mendidik anak, lebih tinggi kefungsian anak terutamannya anak lelaki. Penglibatan bapa dalam mendidik anak juga mempunyai perkaitan positif dengan adaptasi yang baik anak semasa di sekolah. Lebih tinggi tahap penglibatan bapa, lebih tinggi skor mental dan adaptasi sosioemosi kanak-kanak. Radin dan rakan-rakan (1993) telah mendapati bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai hubungan baik dengan bapa mereka menunjukkan prestasi baik dalam pelajaran, lebih berminat untuk belajar dan mendapat gred yang baik dalam peperiksaan.

Tinjaun literatur (Ahmeduzzaman & Roopnarine, 1992; Brayfield, 1995; Curtner-Smith, Bennett & O'Rear, 1995) menunjukkan bahawa tingkah laku keibubapaan bapa boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antara faktor tersebut termasuklah faktor latar belakang seperti taraf pendidikan, pendapatan dan pekerjaan bapa. Disamping menentukan perkaitan di antara tingkah laku kebapaan dan pencapaian akademik kanak-kanak di bandar dan luar bandar, kajian ini juga telah menganalisis perkaitan di antara beberapa faktor latarbelakang terpilih dengan tingkah laku kebapaan di kedua-dua lokasi.

Faktor Latar belakang Bapa dan Tingkah Laku Keibubapaan

Pekerjaan mencari nafkah di luar rumah secara tradisi dianggap sebagai peranan bapa, tetapi kini peranan tersebut telah dipikul bersama oleh kaum ibu. Kebanyakan kajian lalu memberi fokus kepada impak penglibatan ibu dalam dunia pekerjaan ke atas keluarga terutamanya kepada anak. Secara realitifnya didapati sangat kurang kajian lalu yang memberi tumpuan kepada bapa walaupun pekerjaan dianggap sebagai peranan utama bapa. Hanya kebelakangan ini penerokaan dan kajian berkaitan bapa mula mendapat perhatian penyelidik disebabkan berlakunya perubahan dari segi peranan pekerjaan dan tanggungjawab bapa dalam keluarga (Kinnunen, Gerris, & Vermulst, 1996).

Menurut Grimm-Thomas dan Perry-Jenkins (1994), pekerjaan memberi pengaruh kuat kepada kefungsian psikologikal dan peranan bapa dalam keluarga. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa bapa yang berpengalaman positif dalam pekerjaan (seperti mempunyai autonomi, terlibat dalam aktiviti sosial dengan rakan-rakan sekerja, dan persekitaran kerja selesa) mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi. Pengalaman ini memberi kesan positif bukan sahaja terhadap kesejahteraan psikologi bapa semasa di tempat kerja tetapi juga mempengaruhi kehidupannya bersama keluarga. Disamping itu, bapa yang mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi di dapati lebih bersikap toleransi terhadap anak-anak dan kurang menggunakan kawalan psikologikal untuk mengawal anak-anak. Sebaliknya, bapa yang mempunyai penghargaan kendiri yang rendah didapati mempunyai kualiti tingkah laku keibubapaan yang kurang baik dan mereka lebih cenderung untuk menggunakan kawalan psikologi dalam mengawal anak. Menurut Radin dan rakan-rakan (1993) pula, golongan bapa yang tinggi status pekerjaannya, mempunyai pengharapan yang tinggi terhadap kejayaan anak-anak mereka. Oleh itu, mereka mengambil berat terhadap perkembangan sosioemosi anak dan turut memainkan peranan penting dalam mendidik anak.

Merujuk kepada ciri-ciri personal bapa, didapati bapa yang mempunyai tahap pendidikan tinggi adalah kurang bersetuju dengan peranan tradisional dan berpendapat bahawa pasangan patut bersama-sama melakukan kerja rumah termasuk mengasuh anak. Justeru itu, mereka didapati lebih melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti bersama anak semasa berada di rumah (Hardesty et al., 1995). Hasil kajian Noraini (1989) menunjukkan bahawa taraf pendidikan bapa mempengaruhi penglibatan bapa dalam aktiviti bersama anak, terutamanya dalam hal-hal pendidikan anak. Ini bermakna semakin tinggi taraf pendidikan bapa, semakin tinggi penglibatan mereka dalam mendidik anak. Walau bagaimanapun, faktor umur bapa didapati tidak mempunyai pengaruh terhadap penglibatan dan tingkah laku bapa dalam mendidik anak.

Tinjauan literatur menunjukkan terdapat perkaitan di antara faktor latar belakang keluarga, tingkah laku keibubapaan dan pencapaian akademik anak (Berns, 1993; Noraini, 1994; Radin et al., Reynolds & Gill, 1994). Menurut Noraini (1994) remaja dari keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang baik adalah lebih maju dalam persekolahan, dan memperolehi lebih tinggi gred pencapaian berbanding remaja dari

keluarga yang rendah status sosioekonomi. Ini adalah kerana dalam keadaan status sosioekonomi yang baik, ibu bapa mampu menyediakan kemudahan dan persekitaran yang selesa untuk anak belajar. Menurut Berns (1993) pula, sumber-sumber yang terhad dalam keluarga kelas bawahan yang dikaitkan dengan faktor pendapatan, menghalang ibu bapa daripada menyediakan rangsangan intelektual yang bersesuaian untuk anak.

Masalah berkaitan ekonomi keluarga mempengaruhi bagaimana ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak mereka. Menurut Hashima dan Amato (1994), ibu bapa dalam status ekonomi keluarga yang rendah secara umumnya mempamerkan sikap kurang mendidik dan tidak konsisten dalam mendisplinkan anak. Ibu bapa dari golongan berpendapatan rendah telah didapati lebih cenderung bertingkah laku dalam bentuk yang tidak menyokong terhadap anak-anak dan lebih bertingkah laku menghukum. Walau bagaimanapun, tingkah laku menghukum didapati berkurang apabila pendapatan isi rumah meningkat. Ini bermakna faktor pendapatan mempunyai pengaruh signifikan terhadap tingkah laku keibubapaan yang ditunjukkan oleh ibu bapa terhadap anak.

Status ekonomi mempengaruhi lokasi tempat tinggal individu samada di bandar atau luar bandar. Kepesatan ekonomi di bandar yang telah banyak memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara menyediakan taraf kehidupan yang lebih selesa. Keadaan ini adalah hasil daripada perluasan ekonomi di pusat-pusat bandar terutamanya dalam sektor pembuatan dan pembinaan, menyebabkan penduduk bandar memperolehi pendapatan yang lebih tinggi berbanding luar bandar (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996).

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (1998), purata pendapatan bulanan isi rumah bandar meningkat pada kadar 8.1 peratus setahun iaitu daripada RM 1,617 pada tahun 1990 kepada RM 2,596 pada tahun 1995. Kadar peningkatan ini adalah lebih tinggi berbanding luar bandar yang hanya meningkat sebanyak 5.3 peratus setahun dalam tempoh yang sama iaitu daripada RM 951 pada tahun 1990 kepada RM 1,300 pada tahun 1995. Sehubungan dengan itu, tekanan ekonomi yang dialami oleh penduduk bandar lebih rendah berbanding di luar bandar, dan dijangkakan bahawa kualiti keibubapaan ibu bapa di bandar adalah lebih baik berbanding dengan kualiti keibubapaan di luar bandar kerana keadaan persekitaran dan status ekonomi penduduknya yang lebih baik. Tambahan pula pusat bandar yang dilengkapi dengan prasarana moden yang berkualiti dalam pelbagai bidang contohnya pendidikan, perubatan, dan telekomunikasi bukan sahaja menyediakan peluang ekonomi yang lebih banyak tetapi juga kualiti hidup yang lebih baik kepada penduduknya.

Coleman, Ganong, Clark dan Madsen (1989) telah menjalankan kajian bagi mengenalpasti persepsi ibu bapa di bandar dan luar bandar terhadap tingkah laku keibubapaan yang diamalkan, dengan mengambilkira empat dimensi perkembangan anak iaitu fizikal, intelektual, sosial dan emosi. Hasil kajian menunjukkan ibu bapa di luar bandar terutamannya bapa, lebih mementingkan pembangunan intelektual dan emosi anak berbanding ibu bapa di bandar dan kurang memberi penekanan kepada

pembangunan sosial. Ibu bapa di luar bandar juga didapati menitikberatkan pembangunan intelektual lebih kepada anak lelaki berbanding dengan anak perempuan.

Melalui kajian mereka Coleman dan rakan-rakan (1989) telah merumuskan bahawa ibu bapa di bandar dan luar bandar menilai tingkah laku keibubapaan mereka dari sudut yang berbeza. Dalam komuniti luar bandar di mana budaya populasi yang homogenus dan ikatan persaudaraan yang rapat antara satu sama lain, persepsi ibu bapa terhadap keperluan untuk memberi penekanan kepada pembangunan sosial terhadap anak mereka adalah rendah. Ibu bapa di luar bandar juga menganggap interaksi sosial dalam masyarakat berlaku secara semula jadi.

Tingkah Laku Keibubapaan Bapa dan Pencapaian Akademik Anak

Banyak kajian telah dijalankan bagi memeriksa pengaruh tingkah laku ibu bapa, caragaya keibubapaan dan kesannya terhadap perkembangan dan pencapaian akademik anak (contoh: Decovic et al., 1991; Easterbrooks & Goldberg, 1984; Fagot & Kavanagh, 1993; Radin et al., 1993). Kajian mengenai tingkah laku keibubapaan di kalangan bapa telah menunjukkan bahawa bapa mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perkembangan anak. Menurut Papalia dan Olds (1993), hubungan dan ikatan yang wujud di antara bapa dan anak sejak awal tahun kehidupan anak akan mempengaruhi perkembangan sosial, emosi dan kognitif anak.

Radin dan rakan-rakan (1993) telah menjalankan kajian bagi mengenalpasti perkaitan antara penglibatan bapa dalam pendidikan anak dan pencapaian akademik di kalangan anak-anak mereka. Kajian telah dijalankan terhadap 19 buah keluarga kaum asli Amerika yang mempunyai anak berumur antara 3 hingga 11 tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai bapa yang memainkan peranan besar dalam mendidik didapati lebih berjaya dalam bidang akademik, mempunyai kefungsian sosioemosi yang lebih sihat dan beradaptasi dengan lebih baik dalam konteks sosial mereka. Dalam penglibatan dengan anak-anak mereka, didapati secara tidak langsung bapa menunjukkan model tingkah laku yang baik, memberi dorongan serta perangsang, dan pengharapan terhadap kejayaan anak.

Asfawasin (1990) pula telah menjalankan kajian bagi menentukan perkaitan di antara penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak dan pencapaian akademik kanak-kanak sekolah rendah. Kajian ini telah dijalankan di kalangan ibu bapa Melayu dengan melibatkan seramai 64 responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap, aspirasi, dan dorongan ibu bapa terhadap pembelajaran anak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pencapaian akademik anak. Semakin positif sikap dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh ibu bapa terhadap anak, semakin tinggi pencapaian yang hendak ditunjukkan oleh anak dalam bidang akademik.

Hardesty dan rakan-rakan (1995) telah menjalankan kajian jangka panjang berkaitan kehadiran dan tingkah laku bapa terhadap anak semasa kecil, dan pengaruhnya kepada

anak apabila dewasa kelak. Penglibatan bapa dikaji sewaktu anak berumur antara 7 hingga 11 tahun, dan kesan penglibatan ini terhadap orientasi peranan jantina, dan sikap anak ketika berumur antara 18 hingga 22 tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa lelaki yang mempunyai bapa yang sering melibatkan diri dalam aktiviti bersama dan menghabiskan masa yang cukup dengan mereka semasa kecil didapati mempunyai orientasi yang baik terhadap kerja, lebih melibatkan diri dalam aktiviti sosial, dan seterusnya mempengaruhi orientasi peranan mereka pada masa depan.

Menurut Reynolds dan Gill (1994) pula, terdapat perkaitan positif di antara pengharapan ibu bapa terhadap pelajaran anak dengan penglibatan ibu bapa. Didapati ibu bapa yang menaruh harapan tinggi terhadap kejayaan anak lebih cenderung melibatkan diri dalam aktiviti bersama anak. Pengharapan ibu bapa juga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik kanak-kanak dari golongan berpendapatan rendah berbanding dengan golongan pertengahan dan atasan. Ini kerana dalam keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan, kanak-kanak mempunyai kurang sumber pendidikan. Oleh yang demikian, pengharapan ibu bapa memainkan peranan penting terhadap kanak-kanak dan seterusnya sikap ini memberi pengaruh terhadap persekolahan dan pencapaian akademik anak mereka.

Menurut laporan Rancangan Malaysia Ketujuh (1996), aspek pendidikan di negara ini terus mendapat perhatian pihak kerajaan, dan tumpuan telah diberikan kepada usaha meningkatkan keupayaan, memperbaiki kemudahan sedia ada, dan meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan bagi semua kanak-kanak dalam kumpulan umur 6 hingga 11 tahun. Tumpuan juga diberikan ke arah memperbaiki pencapaian akademik pelajar terutamanya di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.

Walaupun pelbagai usaha telah diambil untuk memperbaiki keseluruhan pencapaian akademik pelajar sekolah rendah di negara ini, namun jurang pencapaian di antara sekolah luar bandar dan bandar masih wujud (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996). Fenomena ini memberi gambaran bahawa disamping usaha-usaha yang telah dijalankan untuk meningkatkan prestasi akademik terutamanya di luar bandar, masih terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi perbezaan ini.

Salah satu indikator penting yang menunjukkan bahawa pencapaian sekolah rendah bandar adalah lebih baik daripada sekolah luar bandar ialah keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Berdasarkan laporan Rancangan Malaysia Ketujuh (1996), analisis pencapaian UPSR tahun 1995 mengikut matapelajaran menunjukkan hanya 18.8% pelajar di luar bandar mencapai gred cemerlang dalam bahasa Inggeris berbanding dengan 41.8% pelajar di bandar. Pencapaian gred cemerlang dalam matapelajaran matematik di kalangan pelajar luar bandar juga rendah dengan hanya 25.4% daripada pelajar yang mengambil pelajaran matematik mencapai gred cemerlang berbanding dengan 47.8% bagi kawasan bandar (Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996). Sehubungan dengan itu adalah penting satu kajian dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan yang wujud dalam bidang pendidikan bagi kedua-dua lokasi ini.

Objektif am kajian:

Secara amnya kajian ini dijalankan untuk menentukan kualiti tingkah laku kebapaan dan perkaitannya dengan pencapaian akademik anak di bandar dan luar bandar.

Objektif khusus:

1. Untuk mengenalpasti kualiti tingkah laku keibubapaan bapa.
2. Untuk menentukan perkaitan di antara faktor latar belakang bapa (umur, pendidikan, pendapatan, pekerjaan) dengan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa.
3. Membandingkan kualiti tingkah laku keibubapaan di antara bapa bandar dan luar bandar.
4. Membandingkan kualiti tingkah laku keibubapaan mengikut jantina anak.
5. Menentukan perkaitan di antara kualiti tingkah laku keibubapaan bapa dengan pencapaian akademik anak.

METOD

Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di daerah Kuala Terengganu dan Setiu, Terengganu. Kuala Terengganu merupakan ibu negeri Terengganu dan kawasan pusat bandar dipilih sebagai mewakili kawasan bandar untuk kajian ini. Daerah Kuala Terengganu mempunyai jumlah penduduk seramai 274,489 orang, dengan 83.1% daripadanya adalah penduduk bandar (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1991: Laporan Penduduk Negeri Terengganu, 1995). Manakala kawasan kampung di sekitar Sekolah Kebangsaan Penarik dalam daerah Setiu, Terengganu yang terletak sezauh 65 kilometer daripada pusat bandar Kuala Terengganu, dipilih sebagai mewakili kawasan luar bandar. Perangkaan penduduk dan isi rumah mengikut daerah pentadbiran Terengganu, 1991 telah melaporkan bahawa daerah yang mempunyai jumlah penduduk seramai 42,434 orang ini telah diiktiraf sebagai kawasan luar bandar di negeri Terengganu (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1991: Laporan Penduduk Negeri Terengganu, 1995).

Pemilihan Sampel

Sampel kajian ini terdiri daripada 114 pasangan bapa-anak dari keluarga lengkap yang berbangsa Melayu dan tinggal bersama. Seramai 60 responden bandar dan 54 responden luar bandar terlibat dalam kajian ini. Responden bapa telah dikenalpasti melalui anak mereka yang berumur antara 7 hingga 8 tahun, iaitu pelajar dalam tahun satu dan dua di Sekolah Rendah Sultan Sulaiman II, Kuala Terengganu bagi kawasan bandar, dan Sekolah Kebangsaan Penarik, Setiu, Terengganu bagi kawasan luar bandar.

Bagi tujuan pemilihan tersebut, senarai nama pelajar dalam tahun satu dan dua daripada setiap sekolah telah diperolehi dari guru kelas. Rangka persampelan telah dibentuk dari senarai nama pelajar yang memenuhi kriteria pemilihan sampel yang telah ditetapkan. Pelajar lelaki dan perempuan yang terlibat dalam kajian telah dikenalpasti secara rawak berlapis dari rangka persampelan tersebut. Peratusan pelajar lelaki dan perempuan yang terlibat dalam kajian iani adalah serupa iaitu masing-masing 50 peratus daripada saiz sampel. Bapa pelajar-pelajar yang terpilih seterusnya dipasangkan dengan pelajar berkenaan sebagai responden kajian.

Prosidur

Maklumat asas mengenai latar belakang pelajar telah diperolehi daripada guru kelas. Bapa kepada pelajar dihubungi terlebih dahulu melalui surat atau telefon untuk mendapatkan persetujuan sebagai responden kajian dan menetapkan masa untuk ditemubual.

Maklumat mengenai tingkah laku keibubapaan bapa telah dikumpulkan secara tembusan dengan menggunakan borang soal selidik. Maklumat pencapaian akademik pelajar pula telah diperolehi dari rekod pelajar di sekolah.

Borang soal selidik kajian telah dipraktik uji untuk menentukan samada soalan-soalan dalam borang soal selidik tersebut mudah difahami dan menepati objektif kajian. Pengubahsuaian telah dilakukan pada sebahagian kecil borang soal selidik bagi memantapkan lagi soalan kajian sebelum pengumpulan data dijalankan.

Pengukuran angkubah:

Angkubah bebas

Kualiti Tingkah Laku Kebapaan

Kualiti tingkah laku keibubapaan bapa telah diukur menggunakan skala yang telah dibentuk dan diubahsuai sendiri oleh pengkaji mengikut budaya tempatan berpandukan kepada instrumen dan domain yang telah digunakan oleh pengkaji yang lepas (Asfawasin, 1990; Bradley & Caldwell, 1984; Gilbert & Hanson, 1983; Roberts et al., 1984 dan Simons et al., 1993). Skala *Likert* ini mempunyai 32 item yang terbahagi kepada empat subskala iaitu: 1. Strategi kawalan dan disiplin, 2. Perhatian dan kasih sayang, 3. Galakan untuk kematangan, dan 4. Dorongan pencapaian.

Terdapat 8 item yang dikemukakan kepada responden bagi setiap subskala dengan skor ‘4’ diberikan kepada jawapan selalu, ‘3’ kadang-kadang, ‘2’ jarang sekali dan ‘1’ tidak pernah. Setiap kenyataan negatif telah dikodkan semula iaitu 1=4, 2=3, 3=2 dan 4=1 supaya skor tinggi menunjukkan kualiti tingkah laku keibubapaan yang tinggi. Bagi setiap subskala, skor minima yang boleh dicapai oleh responden adalah 8 dan skor maksima 32. Untuk menentukan kualiti tingkah laku bapa dalam setiap subskala, jumlah skor yang boleh dicapai dikategorikan seperti berikut: Tinggi (skor 25-32), sederhana (skor 17-24), dan Rendah (skor 8 - 1). Pembahagian kepada tiga tahap ini adalah berdasarkan skor maksima yang boleh dicapai oleh responden setelah ditolak skor terendah yang mungkin dicapai oleh responden kajian. Perbezaan di antara kedua-duanya (iaitu 24) telah dibahagi kepada 3 untuk menentukan julat (iaitu 8) diantara setiap tahap. Jumlah skor dikira dengan mencampurkan semua skor yang diperolehi oleh responden bagi setiap item yang dikemukakan. Secara keseluruhan, jumlah skor maksima yang boleh dicapai oleh responden adalah 128, dan skor minima adalah 32. Jumlah skor keseluruhan yang diperolehi juga dikategorikan kepada tiga tahap kualiti tingkah laku keibubapaan iaitu Tinggi (skor 97 - 128), sederhana (skor 65 - 96), dan Rendah (skor 32 - 64). Ujian reliabiliti menunjukkan skala kualiti tingkah keibubapaan ini mempunyai koefisien alpa sebanyak 0.79.

Angkubah Sandar Pencapaian Akademik Kanak-Kanak

Pencapaian akademik kanak-kanak dinilai berdasarkan jumlah markah tiga matapelajaran terpilih iaitu Matematik, Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris. Jumlah markah tertinggi yang boleh dicapai oleh anak adalah 300. Hanya tiga matapelajaran ini yang dipilih kerana ia merupakan matapelajaran wajib pada peringkat sekolah rendah dan diambilkira dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Markah bagi peperiksaan penggal kedua tahun 1996 telah diperolehi dari buku rekod pelajar di sekolah masing-masing.

HASIL KAJIAN

Maklumat Latar Belakang Responden

Maklumat latar belakang responden telah dikumpulkan daripada seramai 114 orang responden, di mana 60 adalah responden bandar dan 54 responden luar bandar. Maklumat yang diperolehi diperihalkan dalam tiga kategori iaitu responden secara keseluruhan, responden bandar dan responden luar bandar sahaja. Jadual 1 menunjukkan ciri latar belakang responden mengikut kategori tersebut.

Umur

Purata umur keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 40.3 tahun ($SD = 6.3$), dengan julat daripada 28 tahun ke 58 tahun. Jika dibandingkan dari segi umur responden bandar dan luar bandar, didapati purata umur mereka hampir sama iaitu masing-masing 40.2 ($SD = 5.9$) dan 40.4 ($SD = 6.8$). Umur responden bandar menjulat dari 31 hingga 58 tahun, manakala responden luar bandar pula ialah 28 hingga 55 tahun.

Pendidikan Responden

Secara purata, jumlah tahun pendidikan yang pernah diterima oleh responden secara keseluruhan adalah 10.5 ($SD = 3.9$), dan menjulat daripada 0 hingga 18 tahun (lihat Jadual 1). Purata jumlah tahun pendidikan responden bandar ialah 13.1 tahun ($SD = 2.9$), dengan julat antara 6 tahun ke 18 tahun. Jumlah tahun pendidikan responden luar bandar secara purata adalah 7.7 tahun ($SD = 2.7$), dan menjulat daripada 0 hingga 16 tahun. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, taraf pendidikan responden bandar adalah lebih baik daripada responden luar bandar.

Jadual 1: Maklumat latar belakang responden

	n %		
	Keseluruhan (n=114)	Bandar (n=60)	Luar bandar (n=54)
Umur			
< 35 tahun	19 (16.7)	7 (11.7)	12 (22.2)
35 - 45 tahun	66 (57.9)	41 (68.3)	25 (46.3)
46 - 55 tahun	27 (23.6)	10 (16.7)	17 (31.5)
> 55 tahun	2 (1.8)	2 (3.3)	0 (0.0)
Min:	40.3	40.2	40.4
SD:	6.3	5.9	6.8
Jumlah Tahun Pendidikan			
< 7 tahun	34 (29.8)	1 (1.7)	33 (61.1)
7 - 13 tahun	53 (46.5)	33 (55.0)	20 (37.0)
> 13 tahun	27 (23.7)	26 (43.3)	1 (1.9)
Min:	10.5	13.1	7.7
SD	3.9	2.9	2.7
Jumlah Pendapatan Responden			
< RM 500	33 (28.9)	0 (0.0)	33 (61.1)
RM 500 - 1500	55 (48.3)	34 (56.7)	21 (38.9)
RM 1501 - 2500	11 (9.6)	11 (18.3)	0 (0.0)
> RM 2500	15 (13.2)	15 (25.0)	0 (0.0)
Min:	1306.7	2040.7	491.3
SD:	1391.7	1581.5	240.0

Jumlah Pendapatan Keluarga

< RM 1000	56 (49.1)	8 (13.3)	48 (88.9)
RM 1000 - 2000	27 (23.7)	21 (35.0)	6 (11.1)
RM2001 - 3000	10. (8.8)	10 (16.7)	0 (0.0)
> RM 3000	21 (18.4)	21 (35.0)	0 (0.0)
Min:	1729.3	2751.9	593.0
SD:	1949.8	2219.8	347.4

Nota. SD=Sisihanpiawai.

Pekerjaan responden

Jadual 2 menunjukkan taburan kategori pekerjaan responden yang terlibat dalam kajian. Daripada 7 kategori pekerjaan pekerjaan yang disenaraikan, didapati paling ramai (22.8%) responden terlibat dalam kategori pertanian, ternakan, perhutanan, nelayan dan pemburuan. Ini diikuti oleh pekerja profesional, teknikal dan yang berkaitan iaitu sebanyak 18.4%. Tiga dari responden yang terlibat dalam kajian ini telah bersara.

Kebanyakan (31.7%) responden bandar terlibat dalam pekerjaan sebagai pekerja profesional, teknikal dan yang berkaitan, contohnya sebagai jurutera (6 orang), guru dan pensyarah (5 orang), juru ukur (2 orang), juruteknik (2 orang), arkitek (2 orang), an doktor (2 orang). Tiga kategori pekerjaan menunjukkan peratusan yang sama (16.7%) iaitu pekerjaan pentadbiran dan pengurusan, pekerjaan perkeranian dan yang berkaitan, dan pekerjaan jualan dan perniagaan. Didapati tiada responden bandar yang terlibat dalam kategori pekerjaan pertanian, ternakan, perhutanan, nelayan dan pemburuan.

Jadual 2: Kategori Pekerjaan Responden

	n %	Keseluruhan	Bandar	Luar bandar
Profesional, teknikal dan berkaitan	21 (18.4)	19 (31.7) 2 (3.7)		
Pentadbiran dan Pengurusan	11 (9.6)	10 (16.7)	1 (1.9)	
Perkeranian dan yang berkaitan	15 (13.2)	10 (16.7)	5 (9.3)	
Pekerja jualan dan perniagaan	13 (11.4)	10 (16.7)	3 (5.6)	
Pekerja perkhidmatan	11 (9.6)	7 (11.7)	4 (7.4)	
Pekerja pertanian, ternakan, perhutanan, nelayan, dan pemburu	26 (22.8)	0 (0.0)	26 (48.1)	
Pekerja pengeluaran, operator alat pengangkutan dan buruh	14 (12.3)	2 (3.3)	12 (22.2)	
Bersara	3 (2.6)	2 (3.3)	1 (1.9)	

Jika dibandingkan dengan bandar, senario di luar bandar adalah jelas berbeza. Majoriti responden (48.1%) luar bandar didapati terlibat dalam kategori pekerjaan pertanian, ternakan, perhutanan, nelayan dan pemburuan. Ini kerana kebanyakkan responden bekerja sebagai nelayan dan peta ni. Sebanyak 22.2% responden pula terlibat sebagai pekerja pengeluaran, operator alat pengangkutan dan buruh. Data menunjukkan kebanyakkan responden dalam kategori ini terlibat dalam pekerjaan sebagai buruh kasar.

Kualiti Tingkah Laku Kebapaan

Jadual 3 menunjukkan skor kualiti tingkah laku kebapaan responden. Pada keseluruhannya, lebih daripada separuh iaitu 79.8% responden mendapat skor tinggi (skor 97 hingga 128), sementara 20.2% responden mendapat skor sederhana (65 hingga 96). Tiada responden yang mendapat skor rendah (skor 32-64). Purata skor yang diperolehi oleh keseluruhan responden ialah 105.3 ($SD = 8.8$), dengan julat dari 84 hingga 121.

Responden bandar mencatatkan nilai 98.3% daripada responden yang mendapat skor tinggi dan hanya 1.7% yang mendapat skor sederhana. Skor purata yang diperolehi ialah 109.8 ($SD = 6.3$) dan menjulat dari 91 hingga 121. Bagi responden luar bandar, 59.3% daripada mereka mendapat skor tinggi, manakala 40.7% lagi mendapat skor sederhana. Skor purata responden luar bandar ialah 100.3 ($SD = 8.6$) dan menjulat dari 84 hingga 119. Didapati tiada responden yang mendapat skor rendah bagi kedua-dua lokasi kajian. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, responden bandar mempunyai kualiti skor tingkah laku kebapaan yang lebih tinggi berbanding responden luar bandar.

Pencapaian akademik Anak

Pencapaian akademik anak dinilai berdasarkan jumlah markah bagi tiga mata pelajaran yang diikuti oleh anak responden di sekolah rendah ialah Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Jumlah markah tertinggi yang boleh dicapai bagi ketiga-tiga mata pelajaran tersebut adalah 300. Jadual 3 menunjukkan kategori jumlah markah yang telah diperolehi oleh anak responden.

Secara keseluruhannya didapati majoriti (75.4%) anak responden yang terlibat dalam kajian ini memperolehi markah lebih daripada 200. Sementara hanya 0.9% daripada mereka yang memperolehi narkah kurang dari 100. Purata markah yang diperolehi oleh anak responden secara keseluruhan ialah 231.7 ($SD = 49.4$), dengan julat markah dari 83.0 hingga 299.0 markah.

Daripada analisis deskriptif pencapaian akademik anak responden bandar, didapati majoriti (91.7%) daripada mereka memperolehi jumlah markah lebih daripada 200. Tiada anak responden bandar yang terlibat dalam kajian ini mendapat markah kurang dari 100. Jumlah markah purata yang diperolehi oleh anak responden ialah 250.9 (SD = 34.6) dengan julat markah antara 158.0 hingga 299.0 markah.

Jadual 3: Statistik deskriptif kualiti tingkah laku kebapaan dan pencapaian akademik kanak-kanak

	n %		
	Keseluruhan (n=114)	Bandar (n=60)	Luar bandar (n=54)
Kualiti tingkah laku kebapaan			
Tinggi (97 -128)	91 (79.8)	59 (98.3)	32 (59.3)
Sederhana (65 - 96)	23 (20.2)	1 (1.7)	22 (40.7)
Rendah (3 - 32)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)
Pencapaian akademik			
< 100	1 (0.9)	0 (0.0)	1 (1.9)
100 - 200	27 (23.7)	5 (8.3)	22 (40.7)
201 - 300	86 (75.4)	55 (91.7)	31 (57.4)
Min:	231.7	250.9	210.3
SD:	49.4	34.6	54.7

Bagi anak responden luar bandar pula, purata jumlah markah yang diperolehi ialah 210.3 (SD = 54.7) dan menjulat dari 83.0 hingga 293.0 markah. Lebih separuh (57.4%) dari mereka mendapat markah lebih daripada 200, sementara seorang anak responden (1.9%) mendapat jumlah markah kurang dari 100. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, pencapaian akademik anak responden bandar adalah lebih baik berbanding dengan anak responden luar bandar.

Perkaitan Faktor Latar Belakang Responden dengan Kualiti Tingkah Laku Kebapaan

Ujian Pekali Korelasi Pearson telah dilakukan untuk memeriksa perkaitan antara keempat-empat faktor latar belakang responden (umur, taraf pendidikan, jumlah pendapatan dan status pekerjaan) dengan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa. Hasil ujian ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4: Korelasi antara faktor latar belakang bapa dengan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa

r (paras signifikan)			
	Keseluruhan	Bandar	Luar bandar
Latar Belakang Bapa			
Umur	-0.18 (0.055)	0.02 (0.890)	-0.36 (0.008) **
Taraf Pendidikan	0.65 (0.001) ***	0.29 (0.024) *	0.61 (0.001) ***
Jumlah pendapatan	0.34 (0.001) ***	0.02 (0.888)	0.43 (0.001) ***
Status Pekerjaan	0.41 (0.001) ***	0.14 (0.293)	0.35 (0.009) **

Nota.

* Bererti pada paras $p \leq 0.05$

** Bererti pada paras $p \leq 0.01$

*** Bererti pada paras $p \leq 0.001$

Status pekerjaan adalah variabel dumi dengan kod 1 = Tinggi, 0 = Rendah

Hasil analisis responden secara keseluruhannya telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara umur bapa dengan skor kualiti tingkah laku keibubapaan bapa ($r = -0.18$, $p > 0.05$). Keputusan yang sama juga diperolehi bagi responden bandar ($r = 0.02$, $p > 0.05$). walau bagaimanapun, analisis perkaitan bagi respioden luar bandar menunjukkan keputusan sebaliknya. Umur bapa didapati mempunyai perkaitan negatif dan signifikan dengan skor kualiti tingkah laku keibubapaan bapa di mana $r = -0.36$ pada paras keertian $p \leq 0.01$ (lihat Jadual 4). Ini menunjukkan bahawa bagi responden luar bandar, semakin tinggi umur bapa, kualiti tingkah laku keibubapaan yang ditunjukkan adalah semakin rendah.

Hasil analisis yang telah dijalankan menunjukkan terdapat perkaitan yang positif dan signifikan ($r = 0.65$, $p \leq 0.001$) di antara taraf pendidikan bapa (diukur mengikut bilangan tahun pendidikan) dengan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa (lihat jadual 4). Analisis responden bandar dan luar bandar juga menunjukkan perkaitan yang positif dan signifikan dengan masing-masing $r = 0.29$, $p \leq 0.05$ dan $r = 0.61$, $p \leq 0.001$. Ini bermakna semakin tinggi bilangan tahun pendidikan yang dilalui oleh responden, maka semakin tinggi kualiti tingkah laku keibubapaan yang ditunjukkan terhadap anak yang dikaji.

Jumlah pendapatan responden didapati mempunyai perkaitan yang positif dan signifikan ($r = 0.34$, $p \leq 0.001$) dengan tingkah laku keibubapaan bapa (rujuk Jadual 4). Ini bermakna, semakin tinggi jumlah pendapatan bapa, semakin tinggi kualiti tingkah klaku keibubapaan yang ditunjukkan oleh bapa terhadap anak yang dikaji. Jumlah pendapatan bapa juga didapati mempunyai perkaitan positif dan signifikan dengan skor kualiti tingkah laku keibubapaan responden luar bandar di mana $r = 0.43$, $p \leq 0.001$. Walau bagaimanapun, hasil analisis responden bandar menunjukkan jumlah pendapatan bapa tidak mempunyai perkaitan signifikan dengan skor kualiti tingkah laku keibubapaan bapa terhadap anak yang dikaji.

Perkaitan antara status pekerjaan bapa dengan skor kualiti tingkah laku Keibubapaan bapa dianalisis secara ujian Korelasi Pearson. Status pekerjaan telah dikategorikan semula daripada kategori asal (rujuk Jadual 4) kepada bentuk "Dummy Variable" bagi membolehkan ujian korelasi dilakukan. Status pekerjaan telah dikategorikan kepada dua iaitu 1 = Status Tinggi dan 0 = Status Rendah. Pekerjaan berstatus tinggi antaranya merangkumi kategori pekerjaan profesional, pentadbiran dan pengurusan, manakala status rendah merangkumi pekerjaan perkeranian, perkhidmatan, pertanian, nelayan dan buruh. Tiga orang responden bapa yang telah bersara dikecualikan dalam analisis perhubungan ini kerana bilangannya kecil.

Hasil analisis responden keseluruhan menunjukkan bahawa terdapat perhubungan positif dan signifikan ($r = 0.41$, $p \leq 0.001$) antara status pekerjaan bapa dengan skor kualiti tingkah laku keibubapaan bapa (rujuk Jadual 4). Ini bermakna, status pekerjaan bapa mempengaruhi kualiti tingkah laku keibubapaan bapa. Hasil analisis responden luar bandar juga menunjukkan terdapat perkaitan yang positif dan signifikan ($r = 0.35$, $p \leq 0.01$) di antara status pekerjaan bapa dengan skor kualiti tingkah laku keibubapaan bapa, tetapi hasil analisis responden bandar menunjukkan keputusan sebaliknya.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan keputusan yang selaras dengan kajian terdahulu di mana taraf pendidikan, pendapatan dan pekerjaan bapa mempengaruhi tingkah laku keibubapaan yang ditunjukkan oleh bapa terhadap anak (Grimm-Thomes & Perry-Jenkins, 1994; Hashima & Amato, 1994; Berns, 1993, Radin et al., 1993). Variable umur bapa pula didapati tidak mempengaruhi tingkah laku keibubapaan bapa terhadap anak. Dapatkan ini menyokong hasil kajian Noraini (1989) yang mendapati bahawa umur bapa tidak mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku keibubapaan penglibatan bapa dalam mendidik anak.

Perbandingan Kualiti Tingkah Laku Kebapaan antara Bapa Bandar dan Luar Bandar

Ujian-t telah dilakukan untuk membandingkan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa bandar dan luar bandar. Jadual 5 membentangkan hasil ujian yang telah dijalankan. Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t = 6.72$, $p \leq 0.001$) diantara kualiti tingkah laku keibubapaan bapa di bandar dengan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa luar bandar. Nilai min skor tingkah laku keibubapaan menunjukkan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa di bandar lebih tinggi (Min = 109.800) berbanding dengan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa di luar bandar (Min = 100.259).

Hasil kajian ini selaras dengan kajian Coleman dan rakan-rakan (1989) yang mendapati bahawa terdapat perbezaan dari segi tingkah laku keibubapaan yang ditunjukkan oleh ibu bapa di bandar dan luar bandar terhadap anak. Perbandingan antara subskala juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa bandar dan luar bandar.

Jadual 5: Perbezaan Kualiti tingkah Laku Keibubapaan Bapa di Bandar dan Luar bandar

Variabel	Skor min	Nilai t	Signifikan
Tingkah laku keibubapaan bapa	a. 109.800 b. 100.259	6.72	0.001 ***
<u>Subskala</u>			
Kawalan/Displin	a. 25.483 b. 23.130	3.48	0.001 ***
Perhatian/Kasih sayang	a. 27.850 b. 25.722	5.93	0.001 ***
Galakan Kematangan	a. 26.816 b. 25.592	2.51	0.013 *
Dorongan Pencapaian	a. 29.650 b. 25.815	8.02	0.001 ***

Nota:

* Bererti pada paras paras $p \leq 0.05$

*** Bererti pada paras paras $p \leq 0.001$

a = bandar; b = luar bandar

Perbandingan Kualiti Tingkah Laku Keibubapaan Bapa Mengikut Jantina Anak

Ujian-t telah dilakukan untuk membandingkan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Jadual 6 menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan skor kualiti tingkah laku keibubapaan bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan . Min skor tingkah laku keibubapaan bapa terhadap anak lelaki ialah 105.54, dan 105.02 terhadap anak perempuan. Ini menunjukkan tiada perbezaan ketara nilai min skor kualiti tingkah laku keibubapaan bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Dapatkan kajian ini selaras dengan hasil kajian oleh Noraini (1994), iaitu tidak terdapat perbezaan ketara dari segi caragaya dan tingkah laku keibubapaan yang ditrima daripada ibu bapa oleh anak lelaki dan anak perempuan.

Jadual 6: Perbezaan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan

Variabel	Tingkah laku keibubapaan bapa			
	Bilangan	Skor min	Nilai t	Signifikan
Responden keseluruhan	a. 57	a. 105.54	0.32	0.752
	b. 57	b. 105.02		
Responden bandar	a. 30	a. 110.07	0.33	0.745
	b. 30	b. 109.53		
Responden luar bandar	a. 27	a. 100.52	0.22	0.826
	b. 27	b. 100.00		

Nota: a = Anak lelaki; b = Anak perempuan

Perkaitan Kualiti Tingkah Laku Keibubapaan Bapa dengan Pencapaian Akademik Anak

Ujian Pekali Kolerasi Pearson dilakukan untuk menentukan perkaitan signifikan di antara kualiti tingkah laku keibubapaan bapa dengan pencapaian akademik anak. Hasil analisis ditunjukkan oleh jadual 7. Secara keseluruhannya kajian mendapati terdapat perkaitan positif dan signifikan ($r = 0.49, p \leq 0.001$) di antara kualiti tingkah laku keibubapaan bapa dan pencapaian akademik anak (rujuk jadual 7). Perkaitan yang positif dan signifikan ($r= 0.40, p \leq 0.01$) juga ditunjukkan oleh hasil analisis responden luar bandar. Walau bagaimana pun tiada perkaitan signifikan bagi responden bandar. Analisis bagi setiap subskala (strategi kawalan dan disiplin, perhatian dan kasih sayang, galakan untuk kematangan, dan dorongan pencapaian) tingkah laku keibubapaan responden secara keseluruhan menunjukkan, skor bagi setiap subskala tingkah laku keibubapaan mempunyai perkaitan yang positif dan signifikan dengan pencapaian

akademik anak (rujuk Jadual 7). Walau bagaimanapun, keadaan agak berbeza bagi subsampel bandar dan luar bandar.

Bagi responden bandar, keempat-empat subskala tingkah laku keibubapaan bapa didapati tidak menunjukkan perkaitan yang signifikan dengan pencapaian akademik anak. Bagi responden luar bandar pula, didapati tiga daripada empat subskala tingkah laku keibubapaan bapa menunjukkan perkaitan yang positif dan signifikan dengan pencapaian akademik anak, iaitu subskala kawalan dan disiplin ($r= 0.42$, $p \leq 0.001$), perhatian dan kasih sayang ($r= 0.36$, $p \leq 0.01$) dan dorongan pencapaian ($r= 0.33$, $p \leq 0.05$).

Hasil analisis ini menyokong kajian oleh Asfawasin (1990), Radin dan rakan-rakan (1993), dan Reynolds dan Gill (1994), yang telah mendapati bahawa penglibatan bapa dan kualiti tingkah laku keibubapaan yang ditunjukkan oleh bapa terhadap anak mempengaruhi pencapaian anak dalam bidang akademik. Semakin tinggi penglibatan dan kualiti tingkah laku keibubapaan yang ditunjukkan oleh bapa, semakin berjaya anak mereka dalam bidang akademik.

Jadual 7: Korelasi antara kualiti tingkah laku keibubapaan bapa dengan pencapaian akademik anak

	Keseluruhan	Bandar	Luar bandar
Skor keseluruhan	0.49 ***	0.25	0.40 **
Kawalan dan Displin	0.37 ***	0.16	0.42 ***
Perhatian/Kasih sayang	0.43 ***	0.14	0.36 **
Galakan Untuk Kematangan	0.21 *	0.16	0.12
Dorongan Pencapaian	0.46 ***	0.16	0.33

Nota:

- * Bererti pada paras $p \leq 0.05$
- ** Bererti pada paras $p \leq 0.01$
- *** Bererti pada paras $p \leq 0.001$

KESIMPULAN KAJIAN

Berdasarkan hasil yang telah diperolehi, kajian ini membuat kesimpulan bahawa secara keseluruhan majoriti (79.8%) responden kajian mempunyai kualiti tingkah laku kebapaan yang tinggi. Kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara kualiti tingkah laku kebapaan responden bandar dan luar bandar; di mana kualiti tingkah laku kebapaan responden bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan responden luar bandar. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor latar belakang responden iaitu taraf pendidikan (diukur berdasarkan bilangan tahun pendidikan), jumlah pendapatan dan status pekerjaan (0 = tinggi, 1 = rendah) mempunyai perkaitan signifikan dengan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa. Walau bagaimanapun, umur responden didapati tidak mempunyai perkaitan signifikan dengan kualiti tingkah laku kebapaan responden.

Sementara itu, perbandingan kualiti tingkah laku kebapaan responden mengikut jantina anak menunjukkan bahawa tingkah laku kebapaan responden tidak berbeza terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Ini bermakna responden mempamerkan corak interaksi yang sama terhadap anak tanpa mengambil kira faktor jantina. Sebagaimana yang telah dijangkakan berdasarkan tinjauan literatur berkaitan, kajian ini mendapati bahawa tingkah laku kebapaan responden mempunyai perkaitan signifikan dengan pencapaian akademik anak.

IMPLIKASI KAJIAN

Pengaruh penglibatan dan tingkah laku kebapaan bapa telah dikenalpasti oleh beberapa pengkaji terdahulu sebagai salah satu faktor penting yang mempengaruhi perkembangan anak. Hasil kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian lepas di mana tingkah laku keibubapaan di kalangan bapa mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pencapaian akademik anak. Terdapat beberapa faktor yang telah dikenalpasti sebagai memainkan peranan dalam mempengaruhi tingkah laku keibubapaan yang ditunjukkan oleh bapa terhadap anak.

Berdasarkan hasil kajian didapati faktor pekerjaan bapa mempunyai perkaitan signifikan dengan tingkah laku keibubapaan bapa. Ini adalah kerana pekerjaan memberi pengaruh kuat kepada kefungsian psikologikal dan peranan bapa dalam keluarga (Grimm-Thomas dan Perry-Jenkins, 1994), seterusnya mempengaruhi bagaimana bapa berinteraksi dengan ahli keluarga terutamanya anak. Sehubungan dengan itu, individu yang bekerja perlu digalakkan untuk meningkatkan kesejahteraan di tempat kerja, yang boleh dicapai secara meningkatkan perasaan kawalan dan autonomi terhadap kerja, dan mewujudkan hubungan baik dengan majikan dan rakan sekerja. Oleh itu adalah wajar semua majikan dalam organisasi pekerjaan mengambil berat soal kebijakan pekerja supaya dapat membantu para pekerja berfungsi dengan lebih cemerlang di tempat kerja dan juga di rumah.

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa penglibatan dan tingkah laku keibubapaan bapa yang melibatkan pelbagai aspek seperti kawalan dan disiplin, perhatian dan kasih sayang, galakan untuk kematangan dan dorongan pencapaian mempunyai perkaitan positif dengan perkembangan anak. Sehubungan dengan itu, program berkaitan keibubapaan perlu diperbanyak lagi untuk meningkatkan kualiti keibubapaan. Program yang meletakkan golongan bapa sebagai kelompok sasaran adalah perlu supaya golongan bapa lebih menyedari akan tanggungjawab dan kepentingan mereka dalam kehidupan anak.

Program pendidikan keibubapaan contohnya kursus dan ceramah yang sedia ada perlu memberi ruang supaya pelbagai golongan lapisan masyarakat dapat menyertainya. Faktor lokasi tempat tinggal harus diambilkira bagi memastikan penglibatan semua pihak, dan maklumat dapat disampaikan bukan sahaja kepada ibu bapa di bandar tetapi juga ibu bapa di luar bandar. Perlaksanaan program perlu lebih teratur dan fleksibel dengan kelompok sasar, serta disampaikan bukan sahaja dalam bentuk formal dan tetapi juga bukan formal. Dengan ini pendidikan dan mesej yang ingin disampaikan dapat disalurkan kepada kelompok sasar dengan efektif.

Kajian yang telah dijalankan ini hanya terhad kepada satu bangsa sahaja iaitu Melayu. Hasil yang diperolehi mungkin akan lebih menarik sekiranya kajian turut melibatkan ketiga-tiga bangsa (Melayu, India dan Cina) utama dalam negara ini. Maklumat perbezaan kualiti tingkah laku keibubapaan bapa di antara ketiga-tiga bangsa ini dan perkaitannya dengan pencapaian akademik anak mungkin boleh membantu dalam perancangan program pembangunan keluarga. Kajian ini telah memberi tumpuan kepada saiz sampel yang kecil. Kajian akan datang disarankan untuk meningkatkan lagi saiz sampel supaya statistik sampel lebih mirip kepada parameter populasi sebenar dan ralat persampelannya dapat dikurangkan.

BIBLIOGRAFI

- Ahmeduzzaman, M. dan Roopnarine, J.L. (1992). Sociodemographic Factors, Functioning Style, Social Support, and Fathers' Involvement with Preschoolers in African-American Families. **Journal of Marriage and The Family**, 54 (8), 699-707.
- Asfawasin, Z. (1990). **Perkaitan di antara Penglibatan Ibu Bapa dalam Pembelajaran Kanak-kanak dan Pencapaian Akademik Kanak-kanak Sekolah Rendah**. Kertas Projek yang tidak diterbitkan. Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Atkinson, M. P. dan Blackwelder, S. P. (1993). Fathering in the 20th Century. **Journal of Marriage and The Family**, 55(11), 975-986.
- Berns, R. M. (1993). **Child, Family, Community: Socialization and Support**. Fort Worth: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.
- Bradley, R. H. dan Caldwell, B. M. (1984). **Home Observation for Measurement of The Environment**. Little Rock, AR: University of Arkansas at Little Rock, Centre for Child Development and Education.
- Brayfield, A. (1995). Juggling Jobs and Kids: The Impact of Employment Schedules of fathers' Caring for Children. **Journal of Marriage and The Family**, 57(5), 321-332.
- Broberg, G. C. (1988). Fatherhood: Rediscovered in Empirical Research. **Family Perspective**, 22, 75-85.
- Coleman, M., Ganong, L., Clark, J., dan Madsen, R. (1989). Parenting Perceptions in Rural and Urban Families: Is There a Difference? **Journal of Marriage and The Family**, 51, 322229-336.
- Coverman, S. dan Sheley, J. F. (1986). Change in Men's Housework and children-care Time, 1985-1975. **Journal of Marriage and The Family**, 48(5), 423-422.
- Curtner-Smith, M. E, Bennet, T.L dan O'Rear, M. R. (1995). Fathers' Occupational Conditions, values of Self-Direction and Conformity and Perceptions of Nurturant and Restrictive Parenting In Relation to Young Children's Depression and Aggression. **Family Relations**, 44, 299-305.
- Decovic, M., Gerris, J. R. M., dan Janssens, J. M. A. M. (1991). Parental Cognitions, Parental Behavior, and the Child's Understanding of the Parent-child Relationship. **Merrill-Palmer Quarterly**, 37(4), 523-541.

Easterbrooks, M.A. dan Goldbergh, W. A. (1984). Toddler Development in the Family: Impact of Father Involvement and Parenting characteristics. **Child Development**, 55, 740-752.

Fagot, B. I. dan Kavanagh, K. (1993). Parenting during the Second Year: Effects of Children's Age, Sex, and Attachment Classification. **Child development**, 64, 258-27.

Gilbert, L.A. dan Hanson, G.R. (1983). Perception of Parental Role Responsibilities among Working People: Development of a Comprehensive Measure. **Journal of Marriage and The Family**, 45(1), 203-212.

Grimm-Thomas, K. dan Perry-Jenkins, M. (1994). Job Experiences, Self-esteem, and Fathering in Working-class Families. **Family Relationship**, 43, 174-181.

Hardesty, C., Wenk, D., dan Morgan, C. S., (1995). Paternal Involvement and the Development of Gender Expectation in Sons and Daughter. **Youth and Society**, 26(3), 283-297.

Hashima, Y. dan Amato, P. R., (1994). Poverty, Social Support and Paternal Behavior. **Child Development**, 65, 394-403.

Kinnunen, U., Gerris, J., dan Vermulst, A. (1996). Work Experiences and Family Functioning Among Employed Fathers with Children of School Age. **Family Relations**, 45(10), 449-445.

Noraini, A. A. (1994). **Pengaruh Caragaya Keibubapaan dan Sikap Ibubapa ke atas Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah**. Kertas Projek yang tidak diterbitkan. Jabatan Pengajian pembangunan keluarga. Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Noraini, M. (1989). **Penglibatan Ibu Bapa Bekerja di Dalam Pendidikan Anak-anak**. Kertas Projek yang tidak diterbitkan. Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

_____. (1995). **Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 91: Laporan Penduduk Negeri Terengganu**. Jabatan Perangkaan Malaysia. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

_____. (1980). **Dictionary of Occupational Classification**. Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia

_____. (1996). **Rancangan Malaysia Ketujuh**. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

- _____. (1998). **Buku Tahunan Perangkaan Malaysia.** Jabatan Perangkaan Malaysia. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Papalia, D. E. dan Olds, S. W. (1993). **A Child's World: Infancy through Adolescence.** New York: McGraw-Hill.
- Radin, N. Williams, E., dan Coggins, K. (1993). Paternal Involvement in Childbearing and the school Performance of Native American Children: An Exploratory Study. **Family Perspective**, 27(4), 375-391.
- Reynolds, A. J. dan Gill, S. (1994). The role of Parental Perspectives in The School Adjustment of Inner-City Black children. **Journal of Youth and Adolescence**, 23, 671-694.
- Simons, R. L., Beaman, J., Conger, R. D., dan Chao, W. (1993). Childhood Experience, Conceptions of Parenting, and Attitudes of Spouse as Determinants of Parental Behavior. **Journal of Marriage and the Family**, 55(2), 91-106.
- Thevenin, T. (1993). **Mothering and Fathering: The Gender Differences in Child Rearing.** Garden City Park, N. Y: Avery Publishing Group.